

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 23 APRIL 2024
AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
MUKA SURAT : 5

Malaysia sasar tarik 'unicorn' global

Wujud tenaga kerja berkemahiran, bernilai tinggi Malaysia sasar tarik 'unicorn' global

Oleh NUR ALWANI ZAFIRAH
KHAIRUL dan FATIN FILZATI
BADRUL

KUALA LUMPUR - Malaysia bakal menjadi pangkalan Asia Tenggara untuk syarikat teknologi global, di bawah Unicorn Golden Pas disertai dengan pelabur-pelabur tepat dan yang berkemahiran tinggi.

Menurut Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli, penarikan syarikat 'unicorn' ini bertujuan untuk mewujudkan pekerjaan berkemahiran dan bernilai tinggi serta membangunkan saluran usahawan masa depan dan pemimpin kanan dalam teknologi.

"Sebagai balasan, kami menawarkan pakej insentif, termasuk yuruan yang dikecualikan untuk pas pekerjaan pengurusan

kanan, sewa bersubsidi, kadar cukai konsesi ke atas keuntungan korporat, perkhidmatan penempatan semula dan sebuah 'start-up concierge' yang menguruskan pendaftaran untuk permulaan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis perasmian sempena Sidang Kemuncak KL20 2024 di sini semalam.

Katanya, KL20 2024 mewakili hasrat negara untuk membawa Malaysia dalam 20 ekosistem syarikat pemula niaga terbaik dunia dan dalam konsep ini adalah penekanan kepada pragmatisme serta tindakan.

"Sidang Kemuncak KL20 turut menyaksikan pengenalan beberapa inisiatif penting bertujuan memudahkan lagi akses kepada bakat (Visa Green-laning),

menjadikan pelaburan dan penyumberan tawaran lebih kerap (VC Golden Pass).

"Selain itu, ia bertujuan menjadikan infrastruktur AI lebih matang (Graphical Processing Units Installation)," katanya.

Jelasnya, Pelan Tindakan KL20 menggariskan inisiatif baharu yang akan mempercepat bidang kritikal ekosistem syarikat pemula niaga iaitu modal, bakat dan kualiti syarikat pemula niaga.

"Matlamatnya adalah untuk Malaysia menjadi destinasi pilihan modal peringkat awal dan pertumbuhan; menjadi pusat usahawan bertaraf dunia dan bakat berkemahiran dan sebagai lokasi bagi syarikat pemula niaga terkemuka dunia yang ingin bermula, berkembang dan berskala," katanya.



RAFIZI (dua dari kiri) berucap pada sesi Panel Peringkat Peneraju Dari Malaysia ke Dunia: Terbuka untuk Perniagaan Teknologi sempena Sidang Kemuncak KL20 2024 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur semalam.